

CNS6257

U GB 20-08 00167 BA461

AAU

Mahathir - China

TIDAK PERLU BIMBANG TERHADAP CHINA, KATA MAHATHIR.

Daripada Syed Jamil Jaafar

BANGKOK, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, negara-negara di rantau ini tidak perlu terlalu bimbang dengan tindakan China berbelanja untuk pertahanan.

Sebaliknya, mereka perlu mengambil kesempatan daripada kemakmuran yang kian meningkat di negara itu dan menggunakannya sebagai jentera pertumbuhan.

Ketika bercakap semasa sesi soal jawab dengan masyarakat perniagaan Thailand di sini, beliau berkata, dalam kepesatan China membangun, sememang tidak dapat dielakkan yang ia akan membelanjakan sebahagian daripada hasilnya untuk pertahanan.

"Tetapi, saya tidak fikir kita perlu berasa terlalu bimbang mengenai perkara itu kerana saya tidak fikir mereka akan menakluki Asia Tenggara," kata Dr Mahathir, yang melawat China baru-baru ini, ketika menjawab soalan mengenai peranan China pada masa akan datang.

Dr Mahathir berkata, China yang mempunyai penduduk sebanyak 1,200 juta sudah pasti akan memainkan peranan yang utama dalam politik dunia. -- lagi.

▼20/08/22-03MST

U GB 20-08 00136 BA462

AAU

Mahathir - China 2 Bangkok

Beliau berkata, China akan berjaya daripada segi ekonomi memandangkan rakyatnya rajin bekerja dan berdayacipta, yang cepat mempelajari sesuatu kemahiran baru.

Katanya, negara itu kini kurang berminat dalam politik berbanding ekonomi setelah mengetepikan idea menghalang individu daripada memperoleh kekayaan.

Walaupun keadaan ekonominya kini dikatakan sedang bergolak namun ia hanya merupakan satu fasa dan beliau meramalkan China akan muncul sebagai pengeluar utama barangan pembuatan dan menjadi sebuah negara dagang yang besar.

Mengenai kemungkinan China berpecah, Dr Mahathir berkata, sedang negara itu terus makmur, sudah tentu ia mahu terus bersatu terutama selepas melihat apa yang berlaku kepada jirannya, bekas Rusia.

Bagaimanapun, beliau berkata, China tidak akan bertungkus lumus untuk demokrasi kerana China buat masa ini memerlukan sebuah kerajaan pusat yang utuh. -- lagi.

▼20/08/22-18MST

Mahathir - China 3 (Akhir) Bangkok

"Mereka akan mengambil masa, lagipun untuk mengamalkan demokrasi bukan perkara yang mudah," katanya.

Ketika menjawab soalan mengenai Vietnam, Dr Mahathir berkata, beliau berharap sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat terhadap negara itu akan ditarik tidak lama lagi kerana sekatan itu menghalang perkembangan pesat ekonomi negara itu.

Ketika merujuk kepada isu anggota tentera Amerika yang hilang semasa bertugas di Vietnam, beliau berkata, dalam peperangan sudah pasti akan ada orang yang hilang dan sukar untuk menemui semua yang hilang itu.

Dr Mahathir juga bercakap mengenai Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan menyatakan harapan agar sektor swasta dalam Asean akan membantu menyegerakan kewujudannya demi kepentingan semua di rantau ini.

Katanya, penarikan balik tarif sudah tentu akan menyebabkan sesetengah pihak kerugian tetapi pada keseluruhannya kegiatan ekonomi semua negara akan meningkat demi faedah bersama. -- Bernama.

SJ ZU KAM.

▼20/08/22-31MSF